

# Tadbir urus baik, kestabilan kunci majukan negara: Dr M

BH-18/1/2019 m/s: 2

→ PM kongsi pengalaman, idea bangunkan Malaysia



**Fazli Abdullah**

fazliabddullah@bh.com.my

Dakar, Senegal

Tadbir urus baik dan kestabilan adalah faktor penting untuk mengubah ekonomi, sekali gus membangunkan negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata demikian dalam rakaman klip video disiarkan pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Ke-

munculan Afrika Ketiga (ICEA-III) di sini, semalam.

Dr Mahathir menggariskan dua faktor berdasarkan pengalaman beliau mentadbir dan membangunkan Malaysia daripada sebuah negara membangun kepada negara berpendapatan pertengahan tinggi.

“Apa yang sangat penting dalam usaha untuk mengubah ekonomi ialah tadbir urus yang baik dan kestabilan.

“Apabila ada dua elemen itu, perkara lain akan menyusul,” katanya yang berterima kasih kepada penganjur kerana menjemputnya menyertai persidangan ini.

ICEA-III bertemakan ‘Kemunculan, Sektor Swasta dan Ketrangan’ di Pusat Persidangan Antarabangsa Abdou Diouf (CICAD) di Diarniadio di sini selama tiga hari bermula semalam.

Persidangan dirasmikan Presiden Senegal, Macky Sall, disertai lebih 1,000 peserta dan agensi antarabangsa serta beberapa ketua negara dan kerajaan di Afrika.

Pada sesi pertama persidangan selepas majlis perasmian, Dr Mahathir menjadi ahli panel dialog peringkat tertinggi yang turut disertai, Sall dan Presiden Mali, Ibrahim Boubacar Keita, diikuti tiga lagi sesi perbincangan.

## Diberi penghormatan Kerajaan Senegal

Perdana Menteri adalah satu-satunya pemimpin dari luar Afrika yang diberi penghormatan oleh kerajaan Senegal untuk berkongsi pengalaman dan idea memajukan negara pada persidangan ini.

Sall dalam ucapan perasmian berterima kasih dan menghargai penyertaan Dr Mahathir pada persidangan ini.

“Kami sangat menghargai dan sedia mendengar pengalaman dan pandangan Bapa Pembangunan Moden Malaysia pada persidangan ini,” katanya.

Sementara itu, memulakan sesi dialog peringkat tertinggi pada persidangan ini, Dr Mahathir berkata,

Malaysia bertuah kerana mencapai kemerdekaan secara rundingan, bukan pertumpahan darah.

Berasaskan hakikat itu, katanya, pemimpin Malaysia memulakan pembangunan dengan meneruskan pentadbiran negara dan memperkenalkan dasar memenangi hati serta minda rakyat.

## Bawa masuk pelabur asing

“Oleh itu Malaysia terus aman dan stabil, sekali gus membolehkan negara dibangunkan dengan cepat,” katanya.

Ahli panel lain termasuk Macky Sall; Boubacar Keita dan Perdana Menteri Ivory Coast, Amadou Gon Coulibaly.

Perdana Menteri berkata, walaupun ketika itu Malaysia tiada kepakaran dan teknologi, ia tidak menjadi masalah kerana kerajaan mempelawa pelabur asing untuk menanam modal.

Katanya, menerusi pelaburan langsung asing (FDI), pelbagai teknologi dan kepakaran dibawa ma-

suk ke Malaysia untuk pembangunan dan industrilisasi negara.

Sehubungan itu, Dr Mahathir percaya negara Afrika juga mampu muncul sebagai negara membangun walaupun tiada kepakaran dan teknologi.

“Tiada masalah jika tiada kepakaran teknikal kerana boleh bawa masuk pelabur asing. Ini akan menguntungkan negara,” katanya.

Beliau turut menyentuh mengenai prinsip demokrasi yang dipegang oleh sesebuah negara.

Dalam konteks ini, katanya, sesuatu kerajaan perlu menghormati undi rakyat apabila mengadakan pilihan raya.

Beliau berkata, jika kerajaan sedia ada tidak lagi mendapat mandat, mereka perlu menyerahkan kuasa kepada pihak yang mendapat kepercayaan rakyat supaya kerajaan baharu dapat mentadbir dengan lancar.

Katanya, proses ini menjadikan negara stabil dan melaksanakan usaha memajukan ekonomi.